

Rujukan Kami : UnisZA. 100-9/5/2 (87)
Bertarikh : 31 Disember 2024
Bersamaan : 29 JamadilAkhir 1446H

Puan Aslinda binti Jamil
Penyelaras Program Akademik
Fakulti Farmasi
UniSZA Kampus Besut

Puan,

**JEMPUTAN SEBAGAI PENCERAMAH BAGI PROGRAM HALA TUJU PENDIDIKAN
SELEPAS SPM 2024 DAN LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE UniSZA KAMPUS BESUT**

Dengan segala hormatnya surat adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak SMK Nasiruddin Shah akan mengadakan Program Hala Tuju Pendidikan Selepas SPM 2024 dan Lawatan Sambil Belajar ke UniSZA Kampus Besut.

3. Untuk pengetahuan pihak puan, program ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan awal kepada pelajar yang bakal menduduki peperiksaan SPM berkenaan hala tuju, persediaan sendiri dan pemilihan bidang pengajian di peringkat universiti. Sehubungan dengan itu, pihak puan adalah dijemput untuk memberi ceramah program tersebut sepertimana berikut:-

Tarikh/Hari	: 7 Januari 2025/Selasa
Tempat	: Auditorium Ibnu Khaldun Kompleks Akademik & Pentadbiran UniSZA Kampus Besut
Masa	: 8:00 pagi - 2:00 petang

4. Sebarang pertanyaan berkenaan perkara ini, pihak puan bolehlah berhubung dengan Encik Mohamad bin Hussin di talian 03-699 3339 / 013-9579495 atau menerusi emel mohamadhussin@unisza.edu.my.

Segala perhatian dan kerjasama dari pihak puan amat kami hargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Ilmu dan Akhlak"

Saya yang menjalankan amanah,

PROF. MADYA TS. DR. MOHD KHAIRUL AMRI BIN KAMARUDIN
Pengarah Kampus Besut

s.k. - Dekan, Fakulti Farmasi
- Ketua Bahagian Perkhidmatan Akademik
- Ketua Bahagian Perkhidmatan Pengurusan